

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Sehingga bulan Mac 2020, terdapat 179,520 pelarian berdaftar di UNHCR Malaysia, dengan kumpulan Rohingya merupakan kelompok terbesar dengan jumlah melebihi 100,000 orang (UNHCR, 2020). Krisis yang berterusan ini menyebabkan Myanmar berisiko menjadi pusat keganasan di Asia Tenggara. Kumpulan pengganas IS telah membuat seruan jihad di Myanmar, manakala kumpulan Al-Qaeda telah menggesa orang Islam untuk bangkit melawan golongan "kafir" yang menyerang agama Islam (Bashar 2019). Mantan Ketua Penolong Pengarah Cawangan Khas Bahagian Anti Pengganas (E8), Datuk Ayob Khan juga mengesahkan penggunaan naratif penganiayaan ke atas warga Rohingya oleh kumpulan IS untuk merekrut ahli baru (Channel News Asia 2018). Walaupun sasaran mereka adalah warga Malaysia, namun warga Rohingya juga terdedah kepada ancaman ini (Kumar 2018).

Oleh hal yang demikian, IMAN Research menjalankan satu usaha untuk meneliti risiko kelompok rentan, khususnya kumpulan pelarian Rohingya di Malaysia, untuk diradikalisasi ke arah kegiatan keganasan melampau. Kutipan data kajian telah dilakukan bermula awal tahun 2019, melibatkan komuniti Rohingya di Semenanjung Malaysia yang terbahagi kepada empat zon: Utara, Tengah, Selatan dan Pantai Timur. Kutipan data dijalankan melalui pendekatan kualitatif, iaitu melalui shadowing, perbincangan kelompok sasaran dan temu bual mendalam. Dapatan kajian menunjukkan empat tema utama dalam penelitian berkenaan proses radikalisasi ke atas warga pelarian Rohingya: (1) kerentanan pelarian, (2) sentimen terhadap keganasan, (3) perasaan dan (4) rangkaian Rohingya.

**Kerentanan pelarian:** Pelarian Rohingya di Malaysia bukan sahaja ditindas dan didiskriminasi di negara asal. Malah, kumpulan pelarian ini juga menghadapi halangan dalam mencapai keadaan mampu diri di Malaysia.

**Sentimen terhadap keganasan:** Hampir semua pelarian Rohingya di Malaysia menerima diskriminasi, layanan tidak adil serta ditindas di Myanmar, sama ada oleh pihak berkuasa atau kerjasama antara pihak berkuasa dan masyarakat tempatan. Akibatnya, sebahagian kecil pelarian Rohingya menganggap adalah wajar kekerasan digunakan bagi mempertahankan diri dan mengembalikan hak mereka.

**Perasaan:** Pelarian Rohingya di Malaysia menunjukkan perasaan hampa, kecewa, marah, curiga dan terasing. Kebiasaannya, perasaan ini ditujukan kepada kerajaan dan tentera Myanmar kerana menjadi punca kepada krisis yang dihadapi mereka.

**Rangkaian Rohingya:** Hubungan dan interaksi sesama pelarian Rohingya lebih rapat, sama ada sesama komuniti Rohingya dalam negara mahupun luar negara. Interaksi dan hubungan yang berlaku di luar kelompok mereka berlaku sesama warga migran dan penduduk tempatan.

## **CADANGAN:**

### **Dasar khusus berkenaan hak-hak pelarian**

Pembentukan dasar khusus untuk pelarian dapat membantu kerajaan membina pengkalan data berkenaan pelarian merangkumi maklumat peribadi, kesihatan dan pekerjaan. Ia juga diperlukan bagi menjamin hak pelarian untuk bekerja dan mendapatkan perkhidmatan kesihatan serta kewangan.

### **Program Pendidikan**

Akses kepada pendidikan berkualiti adalah penting dalam membendung penyebaran keganasan melampau. Sebahagian pelarian Rohingya di Malaysia telah menubuhkan sekolah komuniti untuk pendidikan anak-anak mereka. Kerjasama antara komuniti Rohingya, kerajaan pusat dan badan Zakat diperlukan untuk mengukuhkan sekolah komuniti Rohingya. Penguksuhan ini dapat dilakukan melalui pengenalan sistem peperiksaan berpusat yang diiktiraf untuk sekolah komuniti Rohingya, serta penambahbaikan infrastruktur sekolah.

### **Inisiatif pembinaan kedamaian**

Program dialog antara komuniti Rohingya, kerajaan Myanmar dan badan antarabangsa perlu diadakan bagi menyelesaikan konflik yang dihadapi. Program ini memberi mesej kepada pelarian Rohingya bahawa usaha masih diteruskan bagi merungkaikan konflik. Malah, ia juga dapat mengimbangi naratif kekerasan dan memupuk nilai damai.

## **KESIMPULAN:**

Warga pelarian Rohingya adalah salah satu daripada kelompok rentan dalam masyarakat Malaysia. Pengalaman mereka menerima kekerasan, ditambah dengan keadaan mereka di Malaysia menyebabkan mereka lebih terdedah kepada naratif keganasan melampau. Maka, amatlah penting bagi kerajaan Malaysia untuk mengambil langkah proaktif dalam pengurusan pelarian di negara ini. Keupayaan pelarian untuk menjalani kehidupan mereka sendiri tanpa bantuan mana-mana pihak dapat memberi manfaat kepada banyak pihak terutamanya kerajaan Malaysia.